

CENOK KERA
Green-billed Malkoha

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Phaenicophaeus tristis*



CIRI-CIRI

Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai kombinasi saiz yang agak besar serta bahagian ekor yang panjang. Individu ini mempunyai bahagian kepala dan bawah badan yang berwarna kelabu di mana bahagian bawah tongkeng adalah lebih gelap serta terdapat jalur-jalur seperti sabit yang berwarna hitam. Kulit pada bahagian muka berwarna merah di mana pada sekeliling tepi bahagian ini berwarna putih. Bahagian atas badan berwarna hijau kekelabuan manakala pada hujung bahagian ekor terdapat warna putih yang lebar. Bagi individu juvenil pula, bahagian atas kepala, atas belakang badan dan sayap berwarna coklat manakala bahagian ekor adalah pendek. Individu ini mempunyai paruh hitam yang kecil serta kulit pada bahagian muka adalah lebih pudar dan warna putih pada sekelilingnya adalah kurang.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah di antara 52.0-59.5 sm.

MAKANAN

Vertebrata kecil serta buah-buahan.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan dipterokap, hutan campuran, kawasan hutan paya air tawar dan kawasan hutan belukar, hutan sekunder, hutan buluh dan adakalanya dijumpai di kawasan pertanian, pada ketinggian sehingga ke 1,600 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi yang lembut sedikit sengau dan berselang iaitu *oh oh oh oh*. Ini termasuklah bunyi *ko ko ko* serta ditambah dengan bunyi *co-co-co-co* yang kasar.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah pada bulan Disember hingga Jun di mana sarang dibina dengan lapisan yang nipis dan jarang di kawasan belukar atau pada rim-bunan pokok buluh atau di kawasan tumbuhan menjalar pada ketinggian di antara 2.5-7.0 m dari paras tanah. Telur yang dihasilkan adalah sebanyak 2-3 biji berwarna putih kapur berukuran kira-kira 33.8 X 25.8 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.